

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 9 JUN 2015

RUJUKAN : 7926

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) Adakah pihak Kementerian mempunyai pendekatan pencegahan yang lebih berkesan terhadap pengedaran dadah jenis syabu yang telah menular kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan perkara ini amat membimbangkan ibubapa; dan
- (b) Berapa banyak kes tangkapan yang telah dibuat oleh Jabatan Narkotik Polis Diraja Malaysia terutamanya di negeri Sarawak semenjak 5 tahun kebelakangan ini dan adakah kes-kes ini melibatkan pengedar tempatan atau warga asing bagi negeri Sarawak amnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pengambilan dadah syabu menjadi pilihan kepada penagih dadah masa kini kononnya mereka merasakan lebih bertenaga, bersemangat dan beremosi kerana dadah ini adalah sejenis dadah perangsang. Penyalahgunaan secara berterusan akan mengakibatkan kesan khayal atau halusinasi. Dadah ini memudaratkan tubuh dan mengakibatkan pelbagai komplikasi kesihatan serta mampu mendatangkan maut.

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia telah mengambil untuk membanteras masalah pengedaran dadah kepada pelajar sekolah seperti berikut:-

- i) Menempatkan pegawai perhubungan di semua sekolah rendah dan sekolah menengah dalam negara. Pegawai ini berperanan untuk menjadi perantara di antara PDRM dan pihak pentadbiran sekolah dalam memantau dan mendapatkan maklumat berkaitan kegiatan jenayah, pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta masalah disiplin di kalangan pelajar.**

- ii) Mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan untuk mengenalpasti sindiket-sindiket atau individu yang terbabit dalam pengedaran dadah terutamanya di kalangan pelajar sekolah.**

- iii) Bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menganjurkan perkhemahan kem bina semangat untuk pelajar-pelajar bermasalah bagi membentuk disiplin mereka.
- iv) Mengadakan kerjasama dengan Jabatan atau Agensi yang berkaitan dengan kumpulan sasar (remaja) dalam merangka strategi pencegahan dadah secara menyeluruh di peringkat tertinggi seperti Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pendidikan Pencegahan dan Publisiti (JPPP) yang melibatkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia & Sukan dan lain-lain.

Bagi menjawab perkara (b), hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, statistik tangkapan bersangkut pelbagai kesalahan dadah seluruh negara adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN
2010	157,756
2011	167,001
2012	171,649
2013	175,198
2014	174,427

Statistik tangkapan bersangkut pelbagai kesalahan dadah di negeri Sarawak bagi tempoh lima tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH TANGKAPAN
2010	3,875
2011	3,999
2012	3,528
2013	4,826
2014	5,492

Berdasarkan kepada maklumat risikan dan siasatan yang dijalankan, tangkapan pengedar dadah di Sarawak terdiri daripada warga tempatan dan sebilangan kecil terdiri daripada warga asing.